



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal

**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.2410/12/22 Jld 2 (40)

1 Januari 2017

**PEKELILING PELAJAR BIL. 1/2016
PERATURAN TAMBAHAN PEPERIKSAN AKHIR SEMESTER
BAGI SEMUA PELAJAR PRASISWAZAH
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**

Semua Pelajar Prasiswazah, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akademik FKM dalam Mesyuarat Bil. 5/2016 pada 1 September 2016 telah membuat keputusan bahawa semua pelajar sepenuh dan separuh masa prasiswazah FKM diwajibkan untuk menduduki Peperiksaan Akhir pada setiap semester bagi semua kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.
2. Peraturan tambahan ini dibaca bersama dengan Peraturan Akademik Program Sarjana Muda (Pengajian Sepenuh Masa), Bhg. VII Perkara 4.0, Syarat Menduduki Peperiksaan Akhir. Peraturan Tambahan ini dikuatkuasakan kepada semua pelajar Sarjana Muda Sepenuh Masa dan Separuh Masa FKM, UTM.
3. Peraturan Tambahan memperakukan pelajar telah lulus sesuatu kursus bila mana :-
 - (i) telah menduduki peperiksaan akhir
 - (ii) mendapat markah sekurang-kurangnya 20% dari markah peperiksaan akhir.

Mana-mana seorang pelajar yang telah mendapat markah lulus dalam Kerja Kursus tetapi gagal memenuhi perkara (i) dan (ii), dianggap gagal dalam kursus tersebut dan perlu mengulang kursus tersebut pada semester seterusnya. Markah gagal yang diberi disebabkan tidak memenuhi Perkara (i) dan (ii) adalah 35 peratus (35%) bagi kursus yang markah lulusnya 40 peratus (40%) dan 45 peratus (45%) bagi kursus yang lulusnya 50 peratus (50%) atau markah gagal sebenar, yang mana terendah.

5. Peraturan Tambahan ini berkuatkuasa mulai Semester II, Sesi 2016/2017.
6. Pihak FKM memohon agar semua pelajar mengambil maklum terhadap peraturan tambahan ini.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH ”

Yang benar,


PROFESOR DR. MOHD HASBULLAH BIN HJ IDRIS
Timbalan Dekan (Akademik)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
Universiti Teknologi Malaysia
b/p Naib Canselor
☎ : 07-5557051

- s.k
- Dekan, FKM
 - Ketua-Ketua Jabatan, FKM
 - **Pengurus Program Luar, FKM**
 - Timbalan Pendaftar, FKM